

Laksana Pelupusan Rekod Fungsian

► UMS pertama jalin kerjasama dengan Arkib Negara

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi universiti pertama di negara ini mengadakan kerjasama dengan Arkib Negara menerusi Jadual Pelupusan Rekod Fungsian.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, usaha itu menunjukkan UMS begitu komited untuk mempertingkatkan tadbir urusnya menerusi pelaksanaan peraturan serta akta yang telah dikuatkuasakan.

"Usaha meningkatkan tadbir urus universiti ini juga adalah selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UMS yang dinyatakan dalam UMS Key Result Area (KRA) keempat iaitu pengukuhan tadbir urus, kepimpinan dan

sistem penyampaian.

"Dengan itu, pihak UMS mengambil inisiatif bagi mendapatkan persetujuan daripada pihak Arkib Negara mengenai jadual pelupusan rekod fungsian khusus untuk UMS," katanya ketika majlis menandatangani Jadual Pelupusan Rekod Fungsian antara UMS dan Arkib Negara.

Sementara itu, Ketua Pengarah Arkib Negara Azemi Abdul Aziz berkata, dengan adanya jadual itu, kelulusan pemusnahan atau pemindahan rekod dapat diperolehi dengan cepat dalam tempoh 14 hari bekerja berbanding piagam pelanggan yang mencecah sehingga enam bulan.

Menurut beliau tindakan itu akan mengelakkan timbunan rekod yang tidak bernilai kekal selain menjimatkan ruang, kos penyimpanan dan penyenggaraan serta memudahkan rujukan ke atas

rekod aktif dan tidak aktif di UMS.

"Manakala rekod yang bernilai arkib iaitu bernilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan akan dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal dan menjadi khazanah warisan negara serta rujukan semula pihak UMS pada masa akan datang," katanya.

Azemi berkata, pengurusan rekod adalah elemen penting yang perlu diberikan perhatian di setiap peringkat dari pengurusan tertinggi hingga ketahap perkeranian dan juga operasi.

Katanya, ia turut memberikan gambaran tentang kualiti perkhidmatan dan integriti jabatan dalam menjalankan tugas-tugas sehari-hari.

Turut hadir, Ketua Timbalan Pendaftar No'man Ahmad dan tetamu kehormat yang lain.



AZEMI (kiri) dan No'man ketika bertukar dokumen persetujuan jadual pelupusan rekod fungsian sambil diperhatikan oleh Harun (tengah).